

22 JUL 1998

Kadoumi-Hak

PALESTIN AKAN GUNA APA JUA CARA BAGI PERTAHANKAN HAKNYA

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Palestin akan menggunakan apa jua cara untuk mempertahankan haknya dan membebaskan diri daripada pendudukan asing, kata Menteri Luar Palestin Farouk Kadoumi hari ini.

"Selagi tanah kami diduduki, kami berhak menggunakan apa jua cara untuk mempertahankan hak-hak kami," kata beliau dalam persidangan berita di sini, di akhir lawatan lima harinya ke Malaysia.

Ditanya sama ada "cara-cara itu" termasuk memperbaharui serangan, Kadoumi berkata: "Apabila anda mengejar kucing ke satu penjuru dan kucing itu mendapati tiada jalan melepaskan diri, ia akan mencakar anda."

Kadoumi yang diringi oleh penasihat politiknya Terzi Zuhdi juga menyeru negara-negara Arab supaya memperketatkan lagi usaha pemulauan komoditi Israel dan putuskan apa sahaja hubungan dengan Baitulmakdis untuk membantah sikap Israel terhadap perjanjian damai Palestin-Israel.

"Kita perlu memperketatkan usaha pemulauan kita terhadap komoditi Israel serta membekukan hubungan dengan menutup pejabat-pejabat perwakilan yang dibuka selepas proses keamanan itu dilancarkan oleh Amerika," kata beliau apabila ditanya jika pemulauan sepenuhnya produk Israel oleh negara-negara Arab akan menjejaskan kedudukan ekonomi Israel.

Beliau berkata, negara-negara Arab sejak 1996 telah mengenakan sekatan terhadap komoditi Israel setelah negara itu mencabul perjanjian keamanan.

Isnin lepas, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberitahu Khadoumi yang Malaysia akan terus menyeru Amerika Syarikat menggunakan pengaruhnya terhadap Israel supaya ia mematuhi perjanjian keamanan itu.

Kadoumi juga meminta negara-negara Islam yang lain supaya terus menyokong perjuangan Palestin. Beliau juga berterima kasih kepada Malaysia kerana sokongan berterusannya kepada perjuangan itu.

Beliau berkata, sokongan itu perlu lebih-lebih lagi memandangkan masyarakat antarabangsa berpendapat perjanjian keamanan itu diambang kegagalan kerana sikap angkuh Israel.

Mengenai, keganasan dan ketegangan yang akan muncul kembali memandangkan Israel terus memperkecilkan perjanjian keamanan itu, beliau berkata: "Saya tidak tahu bagaimana rakyat Palestin boleh bersabar lagi sedangkan keadaan kehidupan mereka bertambah buruk setiap hari."

Beliau berkata, ekonomi Palestin berada di tangan Israel kerana negara itu mengawal lapangan terbang dan tidak membenarkan Palestin membina pelabuhan.

Sementara berada di sini, Kadoumi juga mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

RA PR